

Masih jauh untuk penggabungan

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
dan **SHAHIZAM TAZALI**

ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 4 JULAI**

PENGGABUNGAN antara media-media arus perdana tidak akan berlaku dalam waktu terdekat walaupun Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary telah membeli sebahagian daripada saham Media Prima Berhad.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, ini kerana Syed Mokhtar bukanlah pemegang saham terbesar dalam syarikat-syarikat media yang dimilikinya.

Jelas beliau, penggabungan hanya berlaku jika kesemua pemegang saham majoriti bersetuju untuk bergabung.

"Buat masa ini penggabungan syarikat-syarikat media arus perdana nampak mustahil. Selain memerlukan persetujuan semua pemegang sa-

ham majoriti, kos penggabungan juga perlu diambil kira," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Syed Mokhtar kini menjadi orang penting di dalam industri media berikutan beliau dipercayai bakal menguasai kepentingan utama di dalam kumpulan media terbesar di negara ini, Media Prima bernilai RM74 juta.

Dengan pengambilalihan itu, Syed Mokhtar telah menambah satu lagi syarikat media selain daripada TMR Media Sdn. Bhd., penerbit *The Malaysian Reserve* dan *Utusan Melayu (Malaysia) Berhad*.

Ia seterusnya menimbulkan spekulasi sama ada Syed Mokhtar mempertimbangkan untuk melaksanakan penggabungan mega pemain media di



KERATAN Utusan Malaysia semalam.

Malaysia, meletakkan beberapa akhbar utama termasuk *New Straits Times*, *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* di bawah satu bumbung.

Berhubung saham Media Prima yang susut semalam sejurus laporan pembelian saham oleh Syed Mokhtar, Ahmed Razman berkata, pasaran tidak mendapat maklumat yang mencukupi



bagaimana Syed Mokhtar mampu mengembalikan keuntungan kepada Media Prima.

Jelasnya, ketidakpastian tersebut menyebabkan pasaran masih lagi ragu-ragu sama ada pembelian saham berkenaan mampu mengubah nasib dan prestasi kewangan Media Prima ketika ini.

Saham Media Prima kekal tidak berubah seperti pembukaan iaitu 48 sen sesaham pada sesi penutupan dagangan pe-

tang hari ini.

Mengenai kesan penggabungan jika ia menjadi kenyataan, Ahmed Razman berkata, ia akan mewujudkan kumpulan media yang bakal memonopoli pelbagai saluran media di negara ini.

"Sesiapa yang mengawal kumpulan media ini boleh mempengaruhi bagaimana berita-berita harus dilaporkan sama ada cenderung kepada kerajaan atau sebaliknya," katanya.